

14 AUG 1999

Mahathir-Pemikiran

PEMIKIRAN DR MAHATHIR DILAKSANA DENGAN BERANI

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai pemikiran strategik dan kreatif yang dilaksanakan dengan penuh berani, berkeyakinan dan berkesan sehingga membawa kepada pembangunan negara dan menempatkan Malaysia di mata dunia.

Menurut Jaafar Abdul Rahim, kolumnis mengenai pemikiran kreatif dan pemegang sarjana dalam bidang berkenaan, Perdana Menteri yang serius dalam soal reformasi dan inovasi negara, cenderung menggunakan pemikiran untuk memajukan rakyat dan negara.

"Semenjak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, banyak perubahan berlaku kepada rakyat dan negara. Kebanyakan perubahan ini cukup radikal dan mengejutkan," katanya dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Pemikiran Strategik dan Pemikiran Kreatif Dr Mahathir" pada seminar Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Jaafar berkata walaupun perubahan yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir adakalanya dipandang radikal, memerlukan tafsiran, ganjil serta mencabar, tetapi ada orang yang memandangnya secara positif.

Perubahan yang dibawa Dr Mahathir dianggap cukup kreatif, inovatif dan boleh diterokai yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan dan kelangsungan hidup negara, katanya.

Jaafar berkata walaupun perubahan itu ada yang diterima secara pro dan kontra, ia dipastikan sebagai perubahan yang dapat dinikmati oleh rakyat dan negara.

"Dr Mahathir berhasil membuktikan bahawa perubahan yang dibawanya dapat memanfaatkan negara walaupun beliau menerima kritikan yang cukup hebat," katanya.

Beliau berkata tindakan Dr Mahathir yang bijak membalas tuduhan terhadap Malaysia hasil daripada pemikirannya, berjaya menyedarkan dunia bahawa dakwaan itu adakalanya mengenai diri mereka sendiri.

Dr Mahathir juga, katanya, berfikir secara strategik tentang politik dan kekuasaan sehingga dapat menumpaskan musuh-musuhnyanya melalui tindakannya mengubahsuaikan sesuatu dengan cekap dan pragmatik.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wartawan Melayu (PWM) Yazid Othman dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Pemikiran Dr Mahathir Dari Perspektif Wartawan" berkata Dr Mahathir jauh berbeza daripada pemimpin-pemimpin terdahulu terutama sikapnya yang liberal terhadap wartawan dan akhbar.

Beliau berkata sikap liberal itu bagaimanapun tidak melampau dalam memberi kebebasan akhbar kepada wartawan dan media massa.

"Sebaliknya yang melampau ialah para wartawan dan media tertentu terutama beberapa akhbar tabloid mingguan termasuk akhbar tabloid yang berupa buletin parti politik pembangkang," katanya lagi.

-- BERNAMA

NHD RON